

# **KEMPEN ‘BAYAR & MENANG’**

## **BAYARAN BIL POS ONLINE**

### **TERMA & SYARAT**

#### **1.0 Tempoh Kempen**

1.1 Kempen ‘Bayar & Menang’ (“Kempen”) anjuran Pos Malaysia Berhad (229990-M) (“Pos Malaysia”) berlangsung selama 6 bulan mulai 1 Oktober 2016 sehingga 31 Mac 2017 (“Tempoh Kempen”) dengan membuat pembayaran bil melalui Pos Online. Pos Malaysia pada bila-bila masa, berhak secara mutlak untuk mengubah, menangguh, menjadualkan semula, atau melanjutkan Tempoh Kempen atau menamatkan Kempen atas budi bicara mutlaknya dan tanpa memberi notis terlebih dahulu.

#### **2.0 Kriteria Kelayakan**

2.1 Kempen ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia, termasuk warga kerja Pos Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dan yang telah mendaftar dengan maklumat yang lengkap melalui posonline.com.my semasa Tempoh Kempen.

#### **3.0 Kelayakan Penyertaan**

3.1 Pelanggan layak menyertai Kempen sekiranya berjaya melakukan transaksi pembayaran bil bagi agensi yang terpilih melalui posonline.com.my.

3.2 Pelanggan hanya dibenarkan untuk membuat bayaran penuh bagi setiap transaksi. Sebagai contoh, jika anda membayar bil berjumlah RM100.00, anda tidak dibenarkan untuk membuat 3 transaksi berasingan dengan jumlah RM50.00.

3.3 Senarai agensi yang terlibat:

1. Maxis
2. Celcom
3. Digi
4. Umobile
5. P1 Com Sdn Bhd
6. Telekom Malaysia (TM)
7. Measat (ASTRO)
8. TIME dotCom
9. Sabah Electricity Board (SESB)
10. Tenaga National Berhad (TNB)
11. Sarawak Electricity Supply Board (SESCO)
12. Lembaga Air Kuching Utara (LAKU)
13. Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS)
14. Jabatan Kerjaraya Negeri Perlis – Air
15. Syarikat Air Terengganu (SATU)
16. Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS)
17. Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB)
18. Lembaga Air Perak (LAP)

19. Lembaga Air Sabah
20. Air Kelantan Sdn Bhd
21. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP)
22. Syarikat Air Johor Holding Sdn Bhd (SAJ)
23. Jabatan Bekalan Air Wilayah Persekutuan Labuan
24. Indah Water Konsortium (IWK)

#### **4.0 Hadiah**

- 4.1 Sepanjang Tempoh Kempen, setiap bulan 10 pemenang yang layak akan memenangi baucer minuman atau makanan atau baucer membeli belah atau tiket wayang atau tunai setiap seorang.
- 4.2 Hadiah telefon pintar bernilai sehingga RM2,000.00 setiap satu akan diberi kepada 3 pemenang utama yang layak bagi setiap 2 bulan.

#### **5.0 Pemenang yang Layak & Cara Pemilihan Pemenang yang Layak**

- 5.1 Pemenang (“Pemenang yang Layak”) akan dipilih berdasarkan bilangan transaksi yang tertinggi melalui posonline.com.my yang dilakukan oleh pelanggan sepanjang Tempoh Kempen.
- 5.2 Sekiranya terdapat lebih daripada satu (1) pemenang, nilai transaksi akan diambil kira bagi menentukan pemenang.
- 5.3 Pemenang hanya layak berpeluang memenangi satu (1) hadiah setiap bulan dan maksimum dua (2) hadiah sepanjang Tempoh Kempen. Pemenang utama akan dinilai berdasarkan transaksi yang tertinggi bagi tempoh setiap dua (2) bulan.
- 5.4 Setiap pembayaran bil melalui Pos Online semasa Tempoh Kempen akan dipilih melalui sistem Pos Online bagi menentukan 10 pemenang bulanan dan 3 pemenang utama.
- 5.5 Pemenang yang layak akan dihubungi melalui panggilan telefon dan Pos Malaysia tidak akan bertanggungjawab jika pemenang yang dipilih tidak dapat dihubungi. Pos Malaysia berhak membatalkan penyertaan pelanggan sebagai pemenang yang berpotensi jika pelanggan gagal untuk memberi maklumat yang lengkap dan betul semasa proses pemilihan pemenang.
- 5.6 Senarai pemenang bulanan dan Hadiah Utama akan dipaparkan di laman web rasmi Pos Malaysia dan melalui saluran Pos Malaysia sosial media. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau percubaan untuk mempertikaikan keputusan penganjur tidak akan dilayan dalam apa jua keadaan sekalipun.

#### **6.0 Tuntutan Hadiah**

- 6.1 Pos Malaysia berhak, atas budi bicara mutlakanya, menggantikan Hadiah dengan Hadiah lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberi notis terlebih dahulu. Pos Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang ditanggung, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

- 6.2 Hadiah tidak boleh ditukar ganti atau di kredit dalam apa sahaja bentuk, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya.

## **7.0 Terma dan Syarat Am**

- 7.1 Dengan menyertai Kempen ini, semua pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan mempersetujui Terma dan Syarat yang dikenakan dan bersetuju dengan apa sahaja keputusan Pos Malaysia berkenaan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah yang diberikan dan keputusan pemilihan Pemenang yang Layak adalah muktamad, terikat dan tidak boleh dipertikaikan dan sebarang bantahan, aduan dan/atau rayuan tidak akan dilayan.
- 7.2 Dengan menyertai Kempen ini, semua pelanggan dianggap telah bersetuju dengan kutipan, pemprosesan dan penyimpanan data peribadi mereka oleh Pos Malaysia untuk tujuan Kempen ini dan/atau apa sahaja tujuan promosi dan pemasaran.
- 7.3 Pos Malaysia mempunyai hak mutlak untuk menyiar atau menggunakan nama dan gambar Pemenang yang Layak bagi tujuan pengiklanan dan publisiti tanpa sebarang bayaran atau pampasan.
- 7.4 Sebarang kos yang timbul untuk pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos, bayaran yuran dan/atau apa sahaja perbelanjaan berhubung dengan Kempen ini dan tuntutan Hadiah adalah di bawah tanggungan pelanggan/Pemenang yang Layak sepenuhnya.
- 7.5 Pos Malaysia dan/atau pengarah-pengarah, pemegang saham atau anak syarikatnya tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan (termasuk, tanpa batasan, kerugian pendapatan, keuntungan atau pemberian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, secara sengaja atau tidak sengaja, ganti-rugi lanjutan, teladan, punitif atau istimewa) yang timbul berikutan kontrak, salah laku, kecuaiian atau sebaliknya, yang berhubung dengan Kempen ini, biarpun Pos Malaysia telah dinasihatkan atas kebarangkaliannya terlebih dahulu, dan semua ganti rugi adalah dikecualikan.
- 7.6 Pelanggan yang layak tidak berhak untuk membuat tuntutan untuk pampasan atau ganti rugi terhadap Pos Malaysia untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku secara langsung atau tidak berikutan pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen, atau perubahan, penangguhan, penjadualan semula atau lanjutan Tempoh Kempen.
- 7.7 Pos Malaysia berhak untuk meminda, mengugurkan atau menambah apa sahaja perkara di dalam Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa dan Terma dan Syarat ini adalah terikat.
- 7.8 Sekiranya terdapat ketidakselarasan, percanggahan, kekeliruan atau perselisihan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan dijadikan rujukan utama.

# **KEMPEN 'PAY & WIN' ATAU 'BAYAR & MENANG'**

## **POS ONLINE**

### **SOALAN-SOALAN LAZIM**

- 1. Apakah itu Kempen Pos Online 'Pay & Win' atau 'Bayar & Menang'?**  
'Pay & Win' atau 'Bayar & Menang' merupakan kempen yang dianjurkan oleh Pos Malaysia untuk memberi ganjaran kepada pelanggan yang melakukan bilangan transaksi yang tertinggi bagi pembayaran bil secara online melalui posonline.com.my.
- 2. Bilakah tarikh kempen ini bermula dan akan berakhir?**  
Kempen akan berlangsung selama 6 bulan bermula **1 Oktober 2016** dan berakhir pada **31 Mac 2017**.
- 3. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?**  
Untuk menyertai kempen ini, pelanggan hanya perlu melakukan transaksi pembayaran bil secara online melalui posonline.com.my. Bagi pelanggan baharu, pendaftaran maklumat peribadi melalui posonline.com.my perlu dilakukan bagi melayakkan anda untuk menyertai kempen ini.
- 4. Siapakah yang layak menyertai kempen 'Pay & Win' atau 'Bayar & Menang'?**  
Mana-mana pelanggan berusia 18 tahun ke atas yang membuat pembayaran bil melalui posonline.com.my.
- 5. Adakah kempen ini dibuka untuk warganegara Malaysia sahaja?**  
Ya.
- 6. Apakah hadiah yang ditawarkan kepada pemenang?**  
Hadiah terbahagi kepada 2 kategori:
  - a) HADIAH BULANAN:**
    - Sepuluh (10) pemenang - hadiah berupa baucer makanan, minuman, membeli-belah atau tiket wayang.
  - b) HADIAH UTAMA (2 BULAN SEKALI):**
    - Satu (1) pemenang – Satu (1) unit telefon pintar
- 7. Berapa ramai pemenang akan dipilih setiap bulan?**  
Seramai **SEPULUH (10)** pemenang akan dipilih setiap bulan untuk Hadiah Bulanan, manakala **SATU (1)** pemenang Hadiah Utama akan dipilih setiap 2 bulan.

**8. Agensi manakah yang mengambil bahagian di dalam kempen ini?**

1. Maxis
2. Celcom
3. Digi
4. Umobile
5. Webe Digital (P1 Com)
6. Telekom Malaysia (TM)
7. Measat (ASTRO)
8. TIME DotCom Bhd
9. Sabah Electricity Board (SESB)
10. Tenaga National Berhad (TNB)
11. Sarawak Electricity Supply Board (SESCO)
12. Lembaga Air Kuching Utara (LAKU)
13. Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS)
14. Jabatan Kerjaraya Negeri Perlis – Air
15. Syarikat Air Terengganu (SATU)
16. Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS)
17. Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB)
18. Lembaga Air Perak (LAP)
19. Lembaga Air Sabah
20. Air Kelantan Sdn Bhd
21. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP)
22. Syarikat Air Johor Holding Sdn Bhd (SAJ)
23. Jabatan Bekalan Air Wilayah Persekutuan Labuan
24. Indah Water Konsortium (IWK)

**9. Bagaimana cara untuk mengetahui jika saya terpilih sebagai pemenang?**

Wakil daripada Ibu Pejabat Pos Malaysia akan menghubungi anda menerusi nombor telefon yang berdaftar di laman sesawang [posonline.com.my](http://posonline.com.my).

**10. Bilakah senarai pemenang akan diumumkan?**

Senarai pemenang akan diumumkan secara berperingkat pada setiap bulan menerusi laman sesawang [www.pos.com.my](http://www.pos.com.my), [laman sesawang posonline.com.my](http://laman.sesawang.posonline.com.my) dan laman sosial Pos Malaysia.

**11. Bagaimanakah pemenang akan dipilih?**

Pemilihan pemenang akan ditentukan melalui data dari [posonline.com.my](http://posonline.com.my) di mana sepuluh (10) pelanggan dengan bilangan transaksi yang tertinggi akan dipilih sebagai pemenang bulanan. Satu (1) Pemenang Hadiah Utama akan dipilih daripada pemenang yang tertinggi antara pemenang bulanan setiap 2 bulan. Sekiranya ada lebih daripada satu (1) pelanggan yang layak dijadikan pemenang, pemilihan akan dinilai dari segi nilai transaksi yang paling tinggi.

**12. Bagaimanakah saya akan menerima hadiah tersebut?**

Hadiah akan dihantar menerusi Pos Daftar ke alamat yang berdaftar di laman sesawang [posonline.com.my](http://posonline.com.my).